

NEWS CLIPPING

EVENT	FullAMark Boleh Didapati di 7-Eleven
PUBLICATION	Berita Harian
PAGE/SECTION	18/Pendidikan
DATE	11 March 2017
TIME	-

Ms. 18

Sabtu, 11 Mac 2017 11H

→ PENDIDIKAN

Keputusan SPM 2016 Khamis

Putrajaya: Keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2016 akan dikeluarkan Khamis ini dan calon boleh mendapatkannya dari sekolah masing-masing selepas jam 10 pagi.

Kementerian Pendidikan dalam satu kenyataan semalam menyebut, bagi calon yang mendahului keputusan akan dimaklumkan melalui pos atau boleh menghubungi Jabatan Pendidikan Negeri tempat mereka mendaftar.

"Calon juga boleh menggunakan perkhidmatan semakan keputusan SPM 2016 melalui portal mySMS 15888 yang mana perkhidmatan ini akan diaktifkan bermula jam 10 pagi Khamis ini dan ditamatkan pada jam 6 petang 22 Mac," kata kenyataan itu.

434,535 calon mendaftar

Seramai 434,535 calon mendaftar untuk mendahului SPM 2016 di 3,723 pusat peperiksaan seluruh negara termasuk 377,294 calon Sekolah Kerajaan, Sekolah Bantuan Kerajaan serta Sekolah Agama Bantuan Kerajaan selain 9,094 calon sekolah di bawah agensi kerajaan selain Kementerian Pendidikan seperti Maktab Rendah Sains MARA.

Calon Sekolah Menengah Agama Negeri pula ialah 7,931 orang, sekolah swasta yang mendaftar dengan Kementerian Pendidikan (12,847) dan Sekolah Menengah Agama Rakyat (1,756) selain 25,713 calon persendirian.

FullAMark boleh didapati di 7-Eleven

➔ Kedai serbaneka dilengkapi pangkalan e-dar bawcar

Oleh Farah Marshita Abdul Patah farahmarshita@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Portal pendidikan atas talian, FullAMark, kini boleh didapati di semua rangkaian kedai serbaneka 7-Eleven, di seluruh negara.

Melalui kerjasama antara The New Straits Times Press (M) Bhd (NSTP), 7-Eleven Malaysia Sdn Bhd dan MUI Access Portal Sdn Bhd, semua rangkaian kedai serbaneka itu kini dilengkapi MUIReLOADs, aplikasi elektronik

dan pangkalan yang mengedarkan bawcar elektronik.

Pengurus Besar Jualan Akhir-bar dan Pengagihan NSTP, Sami Abid Yusof, berkata aplikasi elektronik dan pangkalan itu dilengkapi kod unik yang membantu mempromosikan Unit Simpanan Stok (SKU) FullAMark berharga RM10 bagi satu mata pelajaran dan pakej RM35 bagi langganan selama tiga bulan.

Beli kod langganan

Sami berkata, melalui kerjasama itu, pembawa dan pelanggan portal berkenaan boleh membeli kod langganan secara terus dari kedai 7-Eleven melalui MUIReLOADs.

"Bagi pengguna baharu, mereka perlu membeli kod langganan, manakala pelanggan sedia ada boleh mendapatkan kod berkenaan bagi tujuan itu semula.

"Pelanggan kemudahan boleh ke laman web www.fulla-

Fakta nombor

RM35 HARGA

pakej langganan tiga bulan FullAMark

mark.com.my untuk mendaftar dengan memasukkan kod langganan di dalam ruangan kod promosi" katanya dalam satu kenyataan di sini, semalam.

Portal berkenaan menawarkan subjek utama antaranya Bahasa Melayu (BM), Bahasa Inggeris (BI), Sains dan Matematik bagi Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) serta Penilaian Tingkatan Tiga (PT3), manakala mata pelajaran bagi Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) adalah BM, BI, Matematik dan Sejarah.

Sami juga berkata, FullAMark turut menawarkan e-tiket ke Taman Tema Air Gombang dan Taman Safari secara perumah kepada 1,000 pengguna terawal.

"Lebih menarik, mereka yang membeli pakej selama tiga bulan RM35 turut berpakaian merenang dua tiket (satu dewasa dan satu kanak-kanak) berharga RM100," katanya.

PESTA BUKU ANTARABANGSA RIYADH

Kecoh: Pelajar kita tetap semangat buat persembahkan



Nazmi Yaakob
nazmi@bh.com.my
► Riyadh

Pelajar kumpulan Ghazal dan Zafir Sekolah Seni Malaysia Johor, tetap bersemangat meneruskan persembahan di sebalik kekecohan ditimbulkan seorang warga tempatan di Pavilion Malaysia di Pesta Buku Antarabangsa Riyadh (RIBF) di sini, malam Khamis.

Dalam insiden kira-kira jam 8.50 malam itu (1.50 pagi waktu Malaysia), lelaki berkenaan mencebrol Pavilion Malaysia di Pusat Konvensyen dan Pameran Antarabangsa Riyadh (RIJCC) dan membuat kecoh dengan mencampak mikrofon serta alat muzik gambus ke lantai sambil merjerit membantah persembahan tarikan bagi berlawanan. Bagaimanapun, tindakan itu dibantah pengunjug tempatan yang sejak awal sudah berpu-

pusu untuk menyaksikan persembahan berkenaan.

Guru pengiring yang juga guru muzik Sekolah Seni Malaysia Johor, Mohd Dzuri Bachok, berkata kekecohan itu berlaku ketika beliau sedang diwawancara stesen televisyen Arab Saudi di pavilion yang terletak berhadapan Pavilion Malaysia, manakala pelajarinya membuat persembahan.

Belum pernah bertukar

"Sebelum ini, insiden serupa pernah berlaku walaupun sudah mengadakan persembahan termasuk di luar negara seperti Rusia, Sepanyol dan China.

"Pelajar selakit ini semua baik kecuali pelajar yang memetik gambus, Aizat Azhar yang terkilan kerana selama ini diajar untuk menjaga alat muzik itu dengan baik."

"Sebagai guru, keselamatan pelajar memang menjadi keutamaan sehingga pada peringkat awal mahu menghentikan persembahan tetapi pengajar RIBF 2017 meminta persembahan itu diadakan," katanya kepada media di Hotel Tiara di sini, semalam.



Mohd Dzuri Bachok, Guru pengiring

Semua pelajar kecuali pelajar yang memetik gambus, Aizat Azhar yang terkilan kerana selama ini diajar untuk menjaga alat muzik itu dengan baik"

Mohd Dzuri Bachok, Guru pengiring



Syukur gambus

Syukur gambus dicampak tidak rosak dan semangat saya serta 11 rakan juga tidak luntur. Malah mereka bertambah semangat buat persembahan"

Aizat Azhar, Pelajar Tingkatan 5

Sementara itu, Aizat yang juga Pelajar Tingkatan 5 sekolah berkenaan, mengakui terkejut kerana tidak menjangkakan insiden berkenaan apatah lagi selepas menerima sambutan baik pengunjug tempatan yang terhibur dengan persembahan mereka.

"Syukur gambus dicampak tidak rosak dan semangat saya serta 11 rakan juga tidak luntur."

"Malah mereka bertambah semangat untuk melakukan persembahan," katanya.

Sementara itu, anak penyanyi popular Datuk Jamal Abdillah, Osman Yarnani Jamal Ubaidillah, 16, yang juga vokalis dan pemain gitar kumpulan ghazal serta zafir itu, berkata beliau dan rakan tidak perlu risau terhadap keselamatan mereka ekoran insiden itu.

"Ia menjadi pengalaman berharga kepada kami dan mendedahkan sikap sepelempit warga tempatan," katanya.

Malaysia dijemput menjadi Negara Telah Reformasi di RIBF 2017 yang disertai 599 penerbit dari Arab Saudi, negara serantau dan antarabangsa.